

# Qalam

KDN 186

---

146, Rabi' al-Akhir 1382, September 1962, 60 sen

---

## Majlis Penasihat Islam Singapura

Majlis Penasihat Islam Singapura yang ada sekarang, adalah ditubuhkan semula setelah sesudah Perang Dunia yang kedua, dalam masa pemerintahan tentera lagi. Sebelum tertubuhnya badan ini, dalam masa pemerintahan tentera segala yang bersangkutan dengan agama Islam, penasihat-penasihat diminta kepada Persekutuan Seruan Islam Singapura.

Setelah dua atau tiga tahun pemerintahan tentera berjalan di Singapura maka dengan anjuran beberapa orang, termasuk Yang di-Pertuanya, Dato' Syed Ibrahim Alsagoff, *Jamiyah* mengadakan permohonan kepada kerajaan supaya "Majlis Islam Penasihat Kerajaan" seperti yang ada pada zaman sebelum perang, ditubuhkan semula.

Pada zaman itu, ada beberapa anggota *Jamiyah* menolak cadangan itu dengan alasan biarlah hubungan-hubungan perkara agama, dihubungi oleh kerajaan menerusi *Jamiyah* sedang permohonannya mengadakan Majlis Penasihat Islam itu bermakna meletakkan *Jamiyah* di barisan yang kedua di dalam hubungannya dengan kerajaan – ertinya *Jamiyah* sendiri meletakkan dirinya kebawah – dengan suatu anjuran yang didatangkan. Tetapi bantahan ini kalah dan dengan demikian permohonan dikemukakan.

Dengan itu ditubuhkanlah Majlis Penasihat Islam yang ada sekarang seperti yang ada sebelum perang.

Cara-cara lantikan sebelum perang pun atau dengan tegasnya cara penjajah pun berjalan di dalam mana anggota-anggotanya dilantik oleh Gabenor. Gabenor mengesahkan pemilihan itu dan kerana itu dilantiklah, pada mulanya, beberapa orang-orang yang dipandang "terkemuka" di dalam lingkungan orang-orang Islam sekalipun sebahagian daripada mereka itu "buta kayu" dalam masalah-masalah agama dan tidak berani mempertahankan soal-soal agama dengan sebab takut tidak akan dilantik lagi kelak.

Kita yakin, tujuan pada asalnya, mengadakan Majlis Penasihat Islam itu adalah sebagai tempat kerajaan bertanya perihal perkara-perkara yang bakal mengenai umat Islam terutamanya di dalam perkara-perkara yang akan diperundang-undangkan atau perkara-perkara yang akan dijadikan peraturan-peraturan yang dicadangkan atau yang akan didatangkan kepada umat Islam.

Kalau benar seperti itu tujuannya, Majlis Penasihat Islam itu, sangat besar ertinya sebagai suatu perantara di antara umat Islam dengan kerajaan yang memerintah terutamanya seperti di Singapura ini. Oleh sebab itulah badan itu sepatutnya menjadi suatu badan yang teratur dan tersusun dengan sempurnanya di dalam melaksanakan sesuatu pertanyaan yang dibuat oleh pihak kerajaan terhadap perkara-perkara Islam.

Badan ini sepatutnya, di dalam perkara yang berhubung dengan persoalan hukum-hukum agama, terutamanya yang bakal diperundang-undangkan, mempunyai suatu jawatankuasa yang seakan-akan jadi *Lujnah al-Fatwā*, yang bakal memberi fatwa-fatwanya di dalam perkara yang berkaitan hukum agama.

Dengan adanya *lujnah* ini, tidaklah jadi, perkara-perkara yang ada hukumnya di dalam Islam, dipersoalkan dengan begitu sahaja dengan persoalannya dicampuri oleh orang-orang yang tidak mengerti di dalam persoalan agama; lalu dengan diambil soal-soal yang ada hukumnya di dalam Islam dengan mengambil undi suara terbanyak atau seumpamanya yang menjadikan

perbuatan itu bertentangan dengan hukum-hukum agama Islam.

Cara lantikan ahli-ahlinya sudah berperintahan sendiri samalah juga dengan yang dijalankan oleh kerajaan penjajahan dahulu. Dahulu yang melantik ahli-ahlinya adalah Gabenor sedang sekarang Yang Di-pertuan Negara. Sifat-sifat ahli yang dilantik itu serupa pula keadaannya dan cara melaksanakan kerja-kerja itu dikatakan pun hampir serupa juga bahkan pada masa sekarang pula keadaan majlis itu telah merupakan suatu cawangan daripada kerajaan.

Mengapa kita katakan suatu cawangan daripada kerajaan? Ahli-ahli yang menjadi ahli di dalam majlis itu dilantik pula orang-orang kerajaan yang ada berkenaan dengan perkara-perkara agama dan pelaksana pula kepada kerja-kerja agama yang diselenggarakan oleh kerajaan.

Umpamanya, Peguam Agung Kerajaan, kerana beliau seorang Islam, dengan secara peribadi dilantik pula jadi ahli majlis itu. Demikian juga Hakim Mahkamah Syariah dan kadi-kadi yang bersangkutan secara rasmi dengan kerajaan pun ada bersama-sama di dalamnya.

Sudah tentu, menurut pendapat kita, bahawa dengan kedudukan-kedudukan beliau yang tinggi di dalam jabatan-jabatan kerajaan itu, dengan mudah, secara tepat atau tidak tepat mempengaruhi atau sekurang-kurangnya disegani oleh ahli-ahlinya terutamanya ahli-ahli yang kurang berpengertian di dalam hukum Islam dan tidak berani mengatakan hak di dalam hukum agama kerana takut, barangkali, akan terlucut menjadi ahli majlis itu yang dipandang mereka sebagai satu penghormatan – tidak sebagai orang yang bertanggungjawab di dalam persoalan agama Islam yang bakal dijadikan peraturan-peraturan yang mengenai seluruh umat Islam.

Yang demikian ini, kita percaya, berjalan dan sedang berjalan. Hal ini dapat dibuktikan di dalam beberapa perkara yang pernah berlaku seperti rancangan mengadakan undang-undang Islam dahulu yang telah dibantah oleh umat Islam.

Demikian juga baharu-baharu ini di dalam perkara persoalan umur yang dikemukakan ke situ dan akhirnya kelak dijadikan hujah telah dipersetujui oleh Majlis Islam Penasihat Kerajaan.

Ini tidak akan terjadi, jika di dalam badan itu, pegawai-pegawai kerajaan yang berkenaan dengan persoalan hukum seperti Peguam Agung dan Hakim Mahkamah Syariah atau seumpamanya campur di dalamnya, dan demikian juga jika sekiranya badan-badan itu teratur dengan rapi dengan bahagian-bahagiannya.

Jika Yang di-Pertuan Negara melantik orang-orang yang sebenarnya berkelayakan, untuk duduk di dalam majlis, dan tidak dicampur di dalamnya pegawai-pegawai yang masih memegang jawatan, tidaklah perkara-perkara agama akan menimbulkan perasaan tidak puas hati di dalam lingkungan orang-orang Islam.

Kita percaya, jika ia teratur, tidaklah majlis itu memejamkan mata melihat peraturan-peraturan yang dijalankan di dalam Mahkamah Syariah itu tergamak dikatakan bertentangan dengan ajaran Islam. Jika perbahasan ini diketahui oleh agama lain mereka akan mentertawakan umat Islam.

Keadaan-keadaan seperti yang pernah dikatakan oleh Mufti Johor, bahawa perkara-perkara peraturan nikah kahwin di Singapura, tidak salahnya, menurut fahamnya, seperti peraturan-peraturan yang dijalankan di dalam nikah kahwin orang-orang Kristian.

Kalau timbul sesuatu pertanyaan di dalam perkara ini, kita akan dapat menelaah jawabnya, bahawa ini dijalankan adalah dengan persetujuan Majlis Penasihat Islam dengan kerana itu patutlah, untuk keselamatan umum, terutamanya untuk ketenangan umat Islam, kalau kerajaan masih mau menggunakan Majlis Penasihat Islam maka susunannya hendaklah diadakan dan disempurnakan. Lantikan-lantikan hendaklah dibuat kepada orang-orang Islam yang mengerti dalam persoalan agama berserta alim ulama.